

# Qalam

Bilangan 49 – Ogos 1954 – Dhulhijjah 1373 – 60 Sen

## Bolehkah hukuman menghapuskan perceraian?

Majlis Adat dan Agama bagi Negeri Kedah dikatakan telah menyampaikan surat rang undang-undang kepada Kerajaan Kedah mengandungi sebanyak 20 fasal perkara yang akan diminta supaya dikuatkuasakan bagi menghukum seorang yang melanggar undang-undang yang tersebut yang mengenai masalah perkahwinan sebagai suatu ikhtiar kerana mengurangkan perceraian yang banyak terjadi sekarang ini.

Jika undang-undang itu disahkan maka seseorang suami yang bercadang menceraikan isterinya atau sebaliknya seorang isteri yang menuntut cerai daripada suaminya adalah dikehendaki terlebih dahulu menyampaikan cadangan tersebut yang kepada kadi atau pegawai-pegawai yang berkenaan dengan perkara-perkara yang tersebut di tempat masing-masing supaya perkara itu dapat diperiksa dan diperhalusi. Seseorang yang melanggar peraturan ini, yakni tidak terlebih dahulu menyatakan tujuan-tujuan yang tersebut maka orang itu boleh dikenakan denda sebaik-sebaiknya \$200 atau enam bulan penjara.

Di dalam 20 fasal itu di antaranya ialah menentukan sebab-sebab berbangkit hendak bercerai itu; juga diperiksa akan kesanggupan-kesanggupan seseorang suami membayar hutang mas kahwin tempat kediaman isterinya semasa idahnya, nafkah idahnya, pemeliharaan anak dan perbelanjaannya (jika ada anak) serta kesanggupan memberi suguhati kepada isteri yang diceraikan itu; juga

perkara-perkara yang mengenai pemberian suami kepada isterinya (barang pakaian) dan harta-harta pencarian yang bersyariat bersama-sama di dalamnya serta hutang-piutang yang berkaitan, jika ada.

Pegawai-pegawai agama diberi kuasa mengangkat hakim untuk menyelesaikan perselisihan-perselisihan yang terjadi sekiranya setelah mereka menghalusi bahawa perceraian yang ditentukan itu tidak munasabah. Juga tiap-tiap seorang suami yang hendak pergi meninggalkan isterinya selama lebih dari tiga bulan maka suami itu hendaklah membuat *report* kepada kadi jajahannya atau pegawai-pegawai agama dengan membawa sara hidup isteri dan anak-anaknya selama pemergiannya dan siapa yang melanggar peraturan ini ia boleh didenda tidak lebih \$200 atau penjara tidak lebih daripada enam bulan.

Dan siapa yang sengaja meninggalkan isterinya dengan maksud terlepas daripada peraturan ini atau sampai isterinya menuntut cerai dengan *ta'liq* atau dengan *fasakh* maka ia boleh didenda tidak lebih daripada sebanyak \$400 atau penjara sebanyak sepuluh bulan; dan suami dikehendaki membayar segala belanja untuk anak isterinya.

Inilah sebahagian daripada perkara-perkara yang terkandung di dalam 20 fasal di dalam rang undang-undang yang disampaikan kepada kerajaan supaya dapat dikuatkuasakan.

Kita percaya bahawa cita-cita dan tujuan Majlis Adat dan Agama Negeri Kedah membuat undang-undang ini tidak lain dari memandangkan bahawa di dalam keadaan sekarang tidak suatu ikhtiar lagi yang dapat dibuat untuk mengurangkan perceraian dan perbuatan yang tidak bertanggungjawab daripada seseorang kepada rumah tangganya yang menyebabkan pula rosak masyarakat umum yang terjadi daripada akibat-akibatnya.

Kita tidak dapat menafikan bahawa tujuan memperundang-undangkan perkara ini bertujuan adalah tersangat baik dan mulia. Undang-undang itu diadakan adalah kerana mengingatkan bahawa seseorang yang berketanggungan ke atas perkongsian hidup itu mestilah mempunyai cukup tanggungjawab dan atau

mengawal sampai tiap-tiap tanggungjawab itu disempurnakan  
maka itulah diadakan undang-undang yang boleh menghukum seseorang  
yang melakukan perbuatan-perbuatan setelah disabitkan dan dibicarakan  
boleh mencederakan atau membawa akibat kepada seseorang lain  
yang tersebab daripada perbuatannya. Sebab-sebab diadakan ini sesudah  
terang bagaimana yang dapat dilihat penderitaan seseorang  
yang terbanyaknya perempuan; perempuan menanggung bebanan-bebanan yang  
berat bukannya sahaja untuk sara dirinya tetapi juga  
anak-anaknya yang tidak diendahkan perbelanjaan oleh seseorang  
suami. Perkara ini sebenarnya di dalam masyarakat kita tersangat menyedihkan.

Sebagaimana kita sebut bahawa tujuan dan maksud  
di dalam hal ini adalah baik tetapi yang menjadi pentanyaan  
dan sebahagian orang adakah undang-undang ini sebenarnya  
boleh menolong atau mengurangkan perkara cerai itu dan  
adakah kelak perkara yang diundang-undangkan itu akan meliputi  
sekalian orang. Sebagaimana Undang-undang Jumaat yang memilih bulu  
-yakni tidak dijalankan kepada kerabat raja atau pegawai-pegawai  
tinggi kerajaan dan seumpamanya; juga adakah ia boleh  
membawa kerukunan hidup di antara orang-orang yang berkenaan yang  
harus takut akan bercerai. Kerana adanya undang-undang  
yang tersebut, sedang hidup di dalam rumah ibarat segendang  
tak sebau lagi.

Adalah menjadi seperkara yang tidak bijak sekiranya  
ikhtiar-ikhtiar itu hanya dijalankan kepada segi membuat hukum  
sahaja sedang bentuk masyarakat mengenai hal-hal yang tersebut  
tidak dibela dan diselenggarakan. Tidak dapat dinafikan bahawa  
tatkala hendak membuat sesuatu undang-undang menghukum di dalam  
hal yang mengenai perseorangan yang serupa ini hendaklah  
jabatan yang membawa atau mencadangkan rang undang-undang itu  
mengadakan usaha-usaha yang besar pada memahamkan apa erti perkahwinan  
dan tanggungjawab-tanggungjawabnya bagi seseorang dan nasihat-nasihat yang  
mengenai perihal kehidupan di dalam rumah tangga sebagaimana  
yang diajarkan oleh Islam. Dan mengadakan didikan yang membawa  
pengertian berumah tangga di dalam pelajaran di sekolah agama

memberi pemahaman-pemahaman bagaimana menyelenggarakan hal ehwal  
perhubungan hidup di dalam rumah tangga.

Dan di sebalik itu semuanya asas yang utama yang tidak  
boleh dilupakan oleh jabatan itu bahawa yang terbanyak  
menjadi cerai-cerai itu ialah kepayahan di dalam  
ikhtisad atau kehidupan mereka. Kesabaran hidup susah  
itu dan menderita itulah yang kerap kali menjadi puncanya.

Oleh sebab itu, perkara-perkara yang tersebut ini molek benar  
diperhatikan terlebih dahulu sebelum undang-undang itu diluluskan  
sebab walau bagaimanapun adanya suatu undang-undang itu namun  
ia akan dilanggar juga oleh orang-orang yang keadaannya memaksa  
ia mesti melanggarnya dengan sebab keadaan-keadaan sekelilingnya dan  
kerana itulah tidak ada maknanya sesuatu undang-undang itu  
jika tidak ada sebalik itu ikhtiar-ikhtiar bagi menjauhkan  
orang-orang melanggarnya diadakan.

\*\*\*

### Perubahan yang diharap

Setelah diadakan mesyuarat agung baharu-baharu ini maka  
*Jam 'iyyat al-Da'wah al-Islāmiyyah*, sebuah pertubuhan seruan Islam  
yang terkenal di Singapura ini, telah mengadakan perubahan  
susunan kerajaan-kerajaannya pada masa yang lalu bahawa semua pekerjaan-pekerjaan  
yang dijalankan adalah boleh dikata semata atas kebijaksanaan  
setiausahanya sahaja maka sekarang cara itu telah diubah  
iaitu jalan-kalan kerajaan sekarang telah terbahagi kepada tiga  
bahagian: (1) keagungan; (2) siaran; dan (3) sosial.  
Tiap-tiap satu bahagian itu adalah bertanggungjawab dengan  
Kerajaan-kerajaan dan dikawal oleh tiap-tiap seorang Naib  
yang Di-Pertua dan seorang setiausaha yang dilantik daripada penolong  
setiausaha jawatankuasa agung *jam 'iyyat*.

Dengan cara-cara membahagi-bahagikan kerja-kerja yang serupa ini,  
dan dengan kuasa penuh yang diberi kepada bahagian-bahagian itu  
adalah diharap dalam sedikit masa lagi kerajaan-kerajaan akan  
dapat dilihat membawa perubahan asal kan sahaja tiap-tiap anggota  
jawatankuasa mengambil berat di dalam tiap-tiap kerja itu

(sambungan pada muka 37)